

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/6/2008

## Dr. Mahathir sedih dikecam Azmi

UM -  
22/6/2008

IPOH 21 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berasa amat sedih dengan tindakan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Azmi Kamaruddin yang mengecam beliau hanya selepas menerima bayaran ex-gratia daripada kerajaan, semalam.

Sambil menyifatkan tindakan kerajaan memberikan bayaran ex-gratia sebagai amalan rasuah, Dr. Mahathir berkata, sekiranya Azmi 'takut' untuk membuat kecaman terhadapnya semasa beliau menjadi Perdana Menteri, bekas hakim itu mempunyai tempoh selama lima tahun untuk berbuat demikian selepas beliau mengundurkan diri.

"Hari ini, saya berasa amat sedih, Azmi terima duit dan serta-merta kecam saya. Ini rasuah, anda terima duit kemudian anda buat kenyataan kecam saya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memberikan ucapan bertajuk 'Harapan Malaysia' di Dewan Persatuan Bulan Sabit Merah di sini hari ini.

Sebuah akhbar hari ini melaporkan Azmi mendakwa Dr. Mahathir meminda Artikel 121(1) Perlembagaan Persekutuan kerana bekas Perdana Menteri itu mahu badan kehakiman berada di bawah kawalan beliau.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai usaha Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim yang mahu mengembalikan Artikel 121(1) Perlembagaan ke bentuk asal, Mahathir berkata, Menteri itu dan kerajaan perlu bertanggungjawab sekiranya tindakan tersebut memberikan kesan buruk.

Tegas beliau, ini kerana artikel tersebut dipinda semasa zaman pemerintahannya atas sebab-sebab tertentu.

Artikel 121(1) Perlembagaan Persekutuan, sebelum dipinda semasa krisis kehakiman pada 1998 pada asalnya mengasingkan secara jelas bidang kuasa eksekutif, kehakiman dan perundangan.